

10 MAR 1999

Mahathir-Sabah (Lawat)

DR MAHATHIR LAWAT PEMIMPIN UMNO YANG CEDERA DALAM KEMALANGAN

SANDAKAN, 10 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini melawat kedua-dua pemimpin Umno dari Selangor yang dirawat di Hospital Duchess of Kent di sini selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah menghabiskan masa kira-kira setengah jam bertanya khabar kepada kedua-dua mereka.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Serdang Haji Hasnan Wahid, 62 dan bendahari Umno bahagian itu, Abdul Aziz Sharif, 50 yang cedera dalam kemalangan itu kini beransur pulih.

Dalam kemalangan Isnin lalu, naib ketua Umno bahagian Serdang, Haji Sharif Sarim, 52, terbunuh apabila kereta yang dipandunya berlanggar dengan sebuah bas ekspres di Km 54, Jalan Ranau-Telupid.

Hasnan dan Abdul Aziz yang menumpang kereta itu cedera dan dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent pada hari yang sama.

Rombongan Umno dari Selangor itu datang ke Sabah untuk berkempen membantu calon-calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya negeri.

Mereka dalam perjalanan dari Sandakan ke Kota Belud apabila kemalangan berlaku kira-kira pukul 10.30 pagi.

Bas ekspres itu pula dalam perjalanan ke Sandakan.

-- BERNAMA

AFY FAZ